

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **Kadar Pengambilan 97% Bagi The Prestige Collection Melambangkan Permintaan Tinggi Untuk Elmina Business Park Milik Sime Darby Property**

- The Prestige Collection merangkumi tujuh unit kilang-kilang sesebuah dan 24 unit kilang-kilang berkembar bersaiz besar;
- Kejayaan ini menandakan kecemerlangan Sime Darby Property dalam memenuhi permintaan dan jangkaan bagi sektor perindustrian.

**ARA DAMANSARA, 13 JUN 2023:** Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) telah memperkenalkan *The Prestige Collection* dan meraih 97% pengambilan sewaktu pelancarannya. Terletak di kawasan perindustrian pegangan bebas Elmina Business Park di Bandar Elmina, *The Prestige Collection* merangkumi tujuh unit kilang-kilang sesebuah (*‘detached factories’*) dan 24 unit kilang-kilang berkembar bersaiz besar (*‘semi-detached factories’*).

Kilang-kilang siap dibina (*‘ready-built’*) itu menampilkan reka bentuk yang moden dan praktikal seperti kawasan gudang yang luas serta ruang pejabat, ruang menyambut tetamu dan galeri yang diperlukan bagi menjalankan operasi-operasi harian perniagaan.

Kilang-kilang berkembar 120’ x 200’ ini mempunyai keluasan binaan di antara 13,800 kaki persegi hingga 14,800 kaki persegi, dengan harga permulaan daripada RM8,420,888. Tambahan lagi, kilang-kilang berkembar yang bersebelahan boleh digabungkan untuk membina kawasan gudang sentral yang lebih luas.

Kilang-kilang sesebuah 120’ x 200’ pula mempunyai saiz binaan 12,000 kaki persegi dengan harga permulaan daripada RM8,539,888. Kilang-kilang ini direka bentuk dengan laluan penuh sekeliling bangunan untuk kemudahan pergerakan kenderaan bagi operasi perniagaan yang lancar dan efektif.

Ketua Pegawai Operasi – Pembangunan Perbandaran Sime Darby Property, Appollo Leong berkata: “Kami amat berbesar hati kerana *The Prestige Collection* telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para usahawan perindustrian, sekali gus membuktikan Sime Darby Property mampu memenuhi keperluan dan jangkaan pasaran bagi sektor ini.”

“Pencapaian ini juga menunjukkan bahawa komuniti perniagaan aktif mencari dan melabur dalam produk-produk perindustrian yang efisien. Menerusi produk kami seperti *The Prestige Collection*, kami juga mengganda nilai untuk perniagaan dan seterusnya menggalakkan inovasi dan mempromosikan sektor perdagangan,” tambah Appollo.

Reka bentuk *The Prestige Collection* menampilkan konsep perniagaan kontemporari dan elegan. Bahagian dalaman gudang yang luas mempertingkatkan lagi fleksibiliti dan susun atur logistik, manakala panel bumbung *skylight* menjadikan operasi perniagaan lebih mesra alam. Kilang-kilang *The Prestige Collection* juga mempunyai pintu pengatup automatik (*‘roller shutters’*) yang dibina dan dirancang secara strategik untuk kemudahan kawasan pemuatan

dan pengeluaran barang. Ruang tambahan juga telah disediakan untuk pemasangan lif pada masa hadapan.

Di samping itu, kilang-kilang ini juga dilengkapi panel solar yang menjamin alternatif praktikal kepada pelepasan karbon, serta menggalakkan penggunaan dan pengeluaran tenaga yang lebih bersih.

Taman perindustrian dan perniagaan pegangan bebas yang terbesar di Lembah Klang, Elmina Business Park dengan keluasan 1,500 ekar, adalah antara portfolio perindustrian bertaraf tinggi Sime Darby Property. Ia divisualisasikan sebagai hub berkembang pesat yang akan menetapkan standard baharu untuk landskap sektor perindustrian.

Elmina Business Park boleh diakses melalui lima lebuh raya utama iaitu Lebuhraya Koridor Guthrie (“GCE”), Lebuhraya Utara-Selatan (“NSE”), Lebuhraya Baru Lembah Klang (“NKVE”), Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (“LATAR”) dan Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (“DASH”). Taman perindustrian ini juga mempunyai dua persimpangan lebuh raya khusus untuk memastikan aliran trafik lancar daripada semua arah.

Untuk maklumat lanjut mengenai kilang *The Prestige Collection* di Elmina Business Park, sila layari <https://www.simedarbyproperty.com/elmina-business-park/the-prestige-collection/>.

#### -TAMAT SIARAN-

##### **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah ‘The Edge Malaysia’s Top Property Developers Awards’. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai ‘EdgeProp Malaysia’s Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021’, serta pemenang bagi anugerah ‘Building Trust Awards 2021’ PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | [adela.megan@simedarbyproperty.com](mailto:adela.megan@simedarbyproperty.com)

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)